

TARIKH: 3/5/2023  
SURAT KHABAR: KOSMO  
MUKA SURAT: 7

## Lebih 1 juta pekerja asing belum mencarum Perkeso

Oleh MARLIA ZAKARIA

**KUALA LUMPUR** – Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) mengesan masih ramai majikan dalam pelbagai bidang belum mendaftarkan pekerja warga asing mereka dengan angka terkini lebih 1 juta orang.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, sejak 1 Januari 2019, hanya 1.2 juta pekerja asing direkodkan aktif mencarum berbanding 2.3 juta pekerja yang bekerja secara sah di negara ini.

Sehubungan itu, beliau menggesa majikan terbabit mengambil tindakan segera kerana pekerja asing yang mempunyai permit kerja sah, wajib didaftarkan dan mencarum dengan Perkeso.

"Hanya kira-kira 52 peratus daripada 2.3 juta pekerja asing yang bekerja secara sah di negara ini aktif mencarum dengan Perkeso di bawah perlindungan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

"Bermakna lebih ramai pekerja asing di luar sana yang masih belum berdaftar," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Pada masa sama, Mohammed Azman berkata, Perkeso buat julang kalinya melaksanakan program pemutihan selama dua bu-



**MOHAMMED AZMAN** (tengah) dan Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) Perkeso, **John Riba Marin** (kiri) pada sidang akhbar sempena pelancaran Bulan Pemutihan dan Ops Kesan Kebangsaan 2023 di Menara Perkeso, Kuala Lumpur semalam.

lan berbanding sebulan sebelum ini bermula dari 1 Mei hingga 30 Jun depan.

Katanya, program berkenaan membolehkan majikan mendaftar secara sukarela tanpa dikenakan tindakan kompaun, pendakwaan dan Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) walaupun melewati tempoh mendaftar dan mencarum.

"Selesai program itu, kita akan laksanakan Ops Kesan 2023 pada

Julai bagi memastikan semua pekerja dilindungi skim.

"Jika sebelum ini, dalam 13 kali Ops Pemutihan dijalankan, ramai tidak sedar mesej disampaikan dan masih belum mendaftar.

"Atas dasar itu kita beri ruang lebih tahun ini jadi tiada alasan tempoh diberi singkat dan tak dapat maklumat," jelasnya.

Tambahnya, Ops Kesan kali ke-14 ini menyasarkan 100 peratus majikan yang menggajikan

sekarang-kurangnya seorang pekerja (tanpa mengira jumlah gaji), mendaftarkan perusahaan dan pekerja seperti termaktub dalam peruntukan Seksyen 4 dan 5, Akta 4, serta Seksyen 14 dan 16 Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

"Kegagalan majikan untuk mendaftarkan perusahaan dan pekerja boleh dikenakan pendakwaan dan tindakan kompaun mencecah RM5,000 mengikut ke-

salahan yang dilakukan.

"Rekod Perkeso sehingga 31 Mac lalu, hampir 1.15 juta majikan telah berdaftar di bawah Akta 4, namun jumlah yang aktif mencarum, iaitu sekurang-kurangnya satu caruman dalam tempoh 12 bulan adalah 573,390 majikan.

"Jumlah pekerja aktif pula (sekarang-kurangnya satu caruman dalam tempoh 12 bulan) adalah seramai 9.31 juta orang," ujarnya.